

# Buletin

ACIS

Jamadil Akhir 1446H/Disember 2024

# WANITA DALAM ISLAM

eISSN 2600-8289



9 7 7 2 6 0 0 8 2 8 0 0 1

# Buletin ACIS

## SIDANG REDAKSI

### Penaung:

Prof Dr Yamin Yasin  
(Rektor)

### Penasihat:

Nasif Sidquee Pauzi  
(Ketua Pusat Pengajian ACIS)

### Editor:

Ahmad Faiz bin Haji Ahmad Ubaidah  
Nasif Sidquee Pauzi

### Sidang Pengarang:

Dr. Mohd. Kamel bin Mat Salleh  
Siti Nur Husna Abd Rahman  
Ahmad Faiz bin Haji Ahmad Ubaidah & Noor  
Aziera binti Mohamad Rohana  
Hisam bin Satari  
Dr Husnul Rita binti Aris  
Nasif Sidquee Pauzi

### Penerbit:

Akademi Pengajian Islam Kontemporari  
UiTM Cawangan Negeri Sembilan  
Kampus Seremban  
Persiaran Seremban Tiga/1  
70300 Seremban 3,  
Negeri Sembilan

### Keterangan:

Pengarang bertanggungjawab sepenuhnya terhadap artikel yang dihantar dari segi ketepatan fakta dan bebas daripada unsur plagiat, terjemahan atau penyiaran di mana-mana penerbitan. Artikel menjadi milik ACIS UiTM Negeri Sembilan untuk disunting, dicetak dan diterbitkan.

Berminat untuk menerbitkan artikel akademik atau kreatif?

Hantarkan ke  
[buletinacisnsdk@gmail.com](mailto:buletinacisnsdk@gmail.com)

## Pengantar Redaksi

Assalamualaikum dan salam sejahtera kepada pembaca budiman sekalian, Alhamdulillah **Buletin ACIS siri ke-72** pada bulan Disember 2024 yang mempunyai e-ISSN ini berjaya diterbitkan. Perkongsian utama bulan ini bertemakan "**Wanita dalam Islam**". Selain itu, terdapat banyak lagi hasil penulisan yang menarik di dalam keluaran kali ini. Semoga Buletin ACIS ini dapat memberi manfaat kepada para pembaca dan warga UiTM semua.

Selamat membaca.

## Isi Kandungan

Fiqh Wanita: Keharusan Hukum Menziarahi Kubur **3**

Wanita dalam Islam: Peranan dan Pengaruh **5**

Ibu Moden Tonggak Kejayaan Keluarga dan Negara **7**

Bacaan Yasin dan Tahlil Arwah: Amalan Baik yang Menjadi Polemik **8**

Sifat-sifat Peniaga yang dicintai Allah SWT dan Rasulullah SAW **11**

Travelog Dubai: Transit Sebelum Ke Bumi al-Fatih **13**

Hari Jumaat: Kelebihan dan Keistimewaan **15**

eISSN 2600-8289



9 7 7 2 6 0 0 8 2 8 0 0 1

## HAKCIPTA TERPELIHARA

Terbitan Buletin ACIS ini  
diterbitkan secara bulanan



<https://www.facebook.com/ACISUiTMCNS/>

# Fiqh Wanita: Keharusan Hukum Menziarahi Kubur



Oleh:

**Dr. Mohd Kamel bin Mat Salleh**

Pensyarah Kanan Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Seremban.

Islam membenarkan penganutnya menziarahi kubur sama ada kepada kaum lelaki mahupun perempuan. Ini berdasarkan kepada umum hadith maksudnya "daripada Buraidah al-Husaib al-Aslami ra berkata : bahawa Rasulullah s.a.w. telah bersabda, aku pernah melarang kamu menziarahi kubur, maka kini ziarahilah ia (Riwayat Muslim, Imam at-Tirmizi menambah : kerana ziarah kubur itu mengingatkan kepada hari akhirat)".

Sebenarnya, larangan dan tegahan itu merujuk kepada zaman awal Islam. Generasi itu baru sahaja meninggalkan zaman jahiliah dan masih berada dalam keadaan di mana mereka tidak dapat mengelak daripada ucapan kotor dan keji seperti meratap, meraung dan menjerit, yang selama ini menjadi kebiasaan mereka. Apabila Islam tiba, amalan jahiliah telah dihapuskan dan kehidupan mereka semakin aman. Islam juga telah menetapkan aturannya sendiri mengenai jenazah dan kematian, yang membolehkan orang menziarahi kubur.

Dalam hadith yang lain, daripada Abu Hurairah maksudnya "bahawa Nabi S.A.W. pergi menziarahi makam ibunya, baginda menangis dan orang-orang di sekelilingnya turut menangis. Nabi S.A.W. telah bersabda: aku telah memohon keizinan kepada Tuhan untuk memohon ampun bagi ibuku tetapi Dia tidak mengizinkannya. Oleh sebab itu aku meminta izin menziarahi makamnya, maka diaizinkannya, maka ziarahilah kubur kerana ia akan mengingatkan kepada kematian" (Riwayat Imam Ahmad dan Muslim serta Ashab Sunan kecuali at-Tirmizi).

Berdasarkan kepada dua hadith yang dinyatakan di atas menunjukkan bahawa tujuan menziarahi kubur untuk muhasabah diri dan memberi keinsafan kepada penziaroh kerana ia dapat mengingatkan kepada kematian serta hari akhirat. Dengan sebab itu tidak menjadi halangan kepada sesiapa sahaja untuk menziarahi kubur.

Kita masuk kepada perbahasan berkenaan dengan hukum dan permasalahan ziarah kubur bagi kaum wanita. Ada pendapat yang memakruhkannya, namun makruh ini pun masih diperselisihkan kerana ada pendapat yang menyatakannya ia adalah *karahah tahrim* (larangan yang menunjukkan haram) dan ada yang menjelaskannya sebagai *karahah tanzih* (larangan yang menunjukkan makruh). Imam an-Nawawi di dalam al-Majmu' menganggapnya sebagai "*karahah tanzih*" dan inilah yang dipegang oleh jumhur al-Syafiyyah.

Berikut adalah rujukan beberapa hadith sebagai dalil keharusan bagi kaum wanita menziarahi kubur: Saidatina

Aisyah telah bertanya kepada Nabi S.A.W. maksudnya: "apakah yang harus diucapkan semasa menziarahi kubur? Baginda menjawab "ucapkanlah: salam atasmu wahai penduduk kampung dari golongan mukminin dan muslimin dan semoga Allah melimpahkan rahmatNya kepada kita semua sama ada mereka yang telah terdahulu mahupun yang akan datang, Insyaallah kami akan menyusul kemudian" (Riwayat Muslim ).

Berdasarkan hadith ini, Rasulullah S.A.W. mengajar kepada Saidatina Aisyah tentang doa yang sepatutnya dibaca sewaktu menziarahi tanah perkuburan tanpa baginda menyatakan sebarang tegahan dan larangan. Ini menunjukkan bahawa tidaklah menjadi suatu larangan hukum ziarah kubur bagi kaum wanita.

Riwayat daripada Ibn Mulaikah bahawa pada suatu hari, Saidatina Aisyah kembali dari arah tanah perkuburan, Ibn Mulaikah bertanya, maksudnya: "wahai ummul mukminin, dari mana engkau datang? Aisyah menjawab, dari menziarahi kubur saudaraku Abdul Rahman. Aku bertanya lagi, bukankah Rasulullah S.A.W. melarang dari menziarahi kubur? Beliau menjawab, benar bahawa Rasulullah pernah melarang dari menziarahnnya tetapi kemudian baginda membenarkannya (Riwayat al-Hakim, juga oleh al-Baihaqi yang menyatakan pada sanadnya terdapat Bustam b. Muslim al-Basri yang meriwayatkan seorang diri, manakala menurut al-Zahabi, hadith tersebut sahih).

Daripada Anas r.a maksudnya: "bahawa Rasulullah telah lalu di tanah perkuburan dan baginda terlihat seorang perempuan yang menangisi kematian anaknya. Rasulullah berkata, bertakwalah kamu kepada Allah dan bersabarlah. Perempuan itu menjawab: alangkah malangnya daku ditimpa musibah ini. Apabila Rasulullah berlalu pergi, ada orang menyatakan kepada perempuan itu bahawa lelaki itu ialah Rasulullah, bagaikan dikejar maut, perempuan itu bergegas pergi ke rumah Nabi dan tiada seorang pun menjaga pintu di situ, perempuan itu berkata, wahai Rasulullah, aku tidak mengenali bahawa engkau adalah Rasulullah, Nabi bersabda, bahawa sesungguhnya kesabaran itu adalah ketika mula-mula ditimpa musibah" (Riwayat al-Bukhari dan Muslim).

Dalam hadith ini, Baginda S.A.W. telah melihat dan bertemu serta berbual-bual dengan perempuan tersebut tanpa larangan terhadap perbuatan menziarahi kubur adalah bukti bahawa kaum perempuan tidak berhalangan menziarahi kubur. Jika ianya suatu tegahan, sudah pasti Rasulullah akan menjelaskannya.

Golongan yang menyatakan makruh bagi kaum wanita menziarahi kubur berpandukan kepada hadith Nabi yang mengutuk wanita-wanita yang menziarahi kubur. Hujah mereka lagi bahawa kaum wanita kurang tabah dan lebih mudah terpengaruh.

Dalam menjawab dakwaan ini, al-Qurtubi ada menyatakan yang dipetik oleh Sayyid Sabiq di dalam kitabnya Fiqh al-Sunnah "kutukan itu hanyalah kepada wanita-wanita yang selalu sangat menziarahi dalam erti kata perempuan yang selalu sangat menziarahi kubur kerana mungkin kesan daripada ziarah itu akan mengakibatkan tersia hak suami, memperagakan diri, kemungkinan menangis, meratap dan lain-lain".

Kata al-Qurtubi lagi, kalau semua itu dapat diatasi, maka tidak ada alasan untuk menghalang wanita menziarahi kubur kerana mengingati maut itu tidak dikhususkan kepada sesiapa baik lelaki maupun wanita. Al-Syaukani menambah atas keterangan al-Qurtubi itu "pendapat inilah yang harus dipegang dalam menghimpunkan hadith-hadith yang pada zahirnya bertentangan"

Berikut adalah antara beberapa adab yang diajar oleh Islam apabila seseorang menziarahi tanah perkuburan sama ada kepada kaum lelaki ataupun wanita.

**1. Apabila seseorang telah sampai di tanah perkuburan, hendaklah dia menghadap ke arah muka mayat dan memberi salam serta mendoakannya.** Di antara doa dan ucapan yang diajar oleh Nabi S.A.W. semasa melewati tanah perkuburan ialah "salam atasmu wahai penduduk kampung dari golongan mukminin dan muslimin, kami Insyaallah akan mengikuti kamu, kamu adalah sebagai pelopor kami dan kami akan menjadi pengikut kamu dan kami memohon kepada Allah agar kami dan kamu juga dilimpahi keselamatan oleh Allah" (Riwayat Muslim).

Dalam Riwayat yang lain Nabi SAW mengajarkan doa berikut yang bermaksud: "salam sejahtera ke atas mu wahai ahli kubur, semoga Allah mengampunkan dosa kami dan dosa kamu, kamu adalah golongan perintis dan kami akan menuruti jejakmu" (Riwayat al-Tirmizi).

Sabdanya lagi yang bermaksud "salam sejahtera ke atas mu wahai penduduk kampung dari kalangan mukminin, dan nanti pada waktu yang telah ditentukan, kamu akan menemui apa yang dijanjikan, Insyaallah kami akan mengikuti kamu, ya Allah ampunilah dosa ahli Baqi' yang berbahagia ini" (Riwayat Muslim).

**2. Penziarah disunatkan menghadap ke kiblat.** Ini berdasarkan hadith daripada al-Barra' b. Azib maksudnya: "kami telah keluar bersama Rasulullah S.A.W. mengiringi jenazah seorang lelaki kaum Ansar, kami berhenti di satu kubur yang tidak berlahad, maka Nabi S.A.W. duduk menghadap ke kiblat dan kami pun duduk bersama baginda" (Riwayat Abu Daud).

**3. Larangan memijak atau duduk di atas kubur.** Nabi S.A.W. menjelaskannya di dalam hadith daripada Abu Hurairah maksudnya "sesungguhnya lebih baik bagi kamu duduk di atas bara api sehingga terbakar pakaian dan melecur kulit daripada duduk di atas kubur" (riwayat Abu Daud).

Di dalam satu hadith lain, Nabi S.A.W. melarang daripada duduk dan bersembahyang di atas kubur. Sabdanya yang bermaksud "janganlah kamu duduk di atas kubur dan jangan bersembahyang di atasnya" (Riwayat Abu Daud).

**4. Tidak menjadi kesalahan jika membaca ayat-ayat al-Quran untuk disedeqahkan kepada si mati.** Mazhab Ahli Sunnah Wal Jamaah berpendapat bahawa manusia yang

masih hidup boleh menjadikan perbuatannya sebagai pahala kepada si mati termasuk bacaan al-Quran. Walaupun pendapat yang mahsyur dalam mazhab Syafie menyatakan bahawa pahala bacaan tidak sampai tetapi Ashab al-Syafie (pengikut mazhab Syafie) menyatakan bahawa pahala bacaan tersebut sampai. Pendapat ini turut dipegang oleh Imam Hanbali.

Menurut seorang ulama besar Universiti al-Azhar Mesir iaitu Syeikh al-Marhum Atiyyah Saqr dalam himpunan fatwanya, tiga cara yang sepatutnya dilakukan berkaitan dengan hal sedekah pahala bacaan al-Quran adalah seperti berikut :

**Membaca ayat-ayat al-Quran dan kemudian berdoa supaya dirahmati dan diampunkan dosa si mati. Si mati hendaklah bertawassul dengan perbuatan solehnya iaitu membaca al-Quran dan kemudian doakan kerahmatan buat si mati**

**' Membaca ayat-ayat al-Quran dan kemudian dihadiahkan kepada si mati seperti bacaan : Allahumma awsil thawaba ma qara'nu li fulan (Ya Allah sampaikanlah pahala apa yang telah kami bacaan kepada ruh si fulan)**

**Diniatkan terlebih dahulu di permulaan bacaan atau semasa membaca ayat al-Quran bahawa pahala bacaan tersebut adalah untuk si fulan bin si fulan.**

Seorang ulama Nusantara iaitu Syeikh Daud al-Fatani pernah ditanya apakah hukumnya membaca doa khatam al-Quran dengan meniatkan pahala bacaan kepada ruh si mati, beliau menyatakan bahawa ia adalah dibenarkan, seperti terjemahan doa ini "ya Allah, jadikanlah pahala bacaan kami sebagai tambahan kemuliaan bagi Nabi s.a.w., dan jadikanlah juga pahala yang sama dan gandakankannya untuk ruh si fulan atau dalam suratan amalannya".

Ibn Qudamah dalam kitabnya al-Mughni ada menyebut bahawa pahala bacaan al-Quran kepada si mati sampai kepadanya. Ini berdasarkan kepada satu riwayat daripada Imam Ahmad yang bermaksud "apabila kamu memasuki tanah perkuburan, bacalah ayat al-Kursi dan tiga kali surah al-Ikhlas, kemudian katakanlah: wahai Tuhanaku, sesungguhnya bacaan ini adalah untuk ahli kubur".

Manakala dalam kitab al-Tazkirah karangan Imam al-Qurtubi ada juga satu riwayat lain dari Imam Ahmad yang bermaksud "apabila kamu memasuki tanah perkuburan, bacalah al-Fatihah, surah al-Falaq, surah al-Nas dan surah al-Ikhlas, jadikanlah bacaan kamu itu sedekah buat ahli kubur kerana sesungguhnya pahala bacaan itu sampai kepada mereka".

**5. Adapun perbuatan yang dilakukan oleh sebahagian orang seperti mengusap kubur, mencium, tawaf dan sebagainya adalah satu perbuatan bid'ah yang mestilah dijauhi dan ditinggalkan.**

Sesungguhnya Islam membenarkan menziarahi kubur kerana banyak hikmahnya, antaranya ialah jiwa akan sentiasa mengingati mati dan bersedia menghadapinya. Selain ia dapat menghidupkan sunnah, ia juga akan mengingatkan dan menginsafkan penziarah asal usulnya daripada tanah dan ke tanah juga seseorang itu akan kembali.

# Wanita dalam Islam: Peranan dan Pengaruh



Oleh:

**Siti Nur Husna binti Abd Rahman**

Pensyarah Akademi Pengajian Islam  
Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan  
Negeri Sembilan, Kampus Rembau.

## Abstrak

Artikel ini mengupas secara mendalam tentang peranan dan pengaruh wanita dalam Islam, mengkaji bagaimana ajaran Islam memberikan ruang yang signifikan kepada wanita dalam pelbagai bidang kehidupan. Islam mengiktiraf wanita sebagai individu yang mempunyai hak dan tanggungjawab yang setara dengan lelaki, namun dengan keunikan dan fungsi yang tersendiri dalam keluarga, masyarakat dan ummah secara keseluruhannya. Selain itu, kajian ini juga membincangkan sumbangan wanita Muslim dalam sejarah dan bagaimana peranan mereka terus berkembang dalam konteks dunia moden. Dengan memahami peranan dan pengaruh wanita dalam Islam, kita dapat melihat bagaimana mereka menyumbang secara aktif dan berkesan dalam membentuk tamadun yang seimbang dan berteraskan nilai-nilai Islam.

**Kata Kunci:** Wanita, Islam, peranan, pengaruh, sumbangan, hak wanita

## Pengenalan

Dalam Islam, wanita diberikan penghormatan dan hak yang jelas. Islam menekankan peranan mereka yang unik dan penting dalam masyarakat. Islam mengiktiraf wanita bukan sahaja sebagai ibu dan isteri tetapi juga sebagai individu yang mempunyai hak dalam pendidikan, pekerjaan dan kehidupan sosial. Ajaran Islam menegaskan bahawa wanita dan lelaki diciptakan sebagai pasangan yang saling melengkapi dan masing-masing mempunyai tanggungjawab yang seimbang dalam membentuk keluarga dan masyarakat yang harmonis (Hassan, 2011). Walaupun terdapat perbezaan dalam penerapan budaya, prinsip-prinsip asas Islam memastikan bahawa wanita dihormati dan diiktiraf atas sumbangan mereka dalam pelbagai aspek kehidupan (Ahmed, 2017).

## Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah kajian perpustakaan. Pendekatan ini melibatkan pengumpulan dan analisis bahan-bahan akademik seperti buku, artikel jurnal, tesis, dan sumber-sumber sekunder lain yang relevan dengan topik "Wanita dalam Islam: Peranan dan Pengaruh." Data yang diperoleh daripada sumber-sumber ini dianalisis secara kritikal untuk memahami perspektif Islam mengenai peranan dan pengaruh wanita dalam pelbagai aspek kehidupan. Melalui kajian perpustakaan, penulis dapat meneliti pelbagai pandangan dan interpretasi dari sudut sejarah, sosiologi dan

teologi yang membantu dalam membina pemahaman yang komprehensif mengenai topik ini.

## Definisi Wanita

Wanita didefinisikan sebagai individu dewasa perempuan yang memainkan pelbagai peranan dalam masyarakat, baik sebagai isteri, ibu, anak perempuan, mahupun sebagai anggota komuniti yang aktif. Dalam konteks biologi, wanita mempunyai ciri-ciri reproduktif yang unik seperti kemampuan melahirkan dan menyusukan anak (Smith, 2020). Dari sudut budaya dan sosial, peranan wanita sering kali dipengaruhi oleh norma dan nilai setempat, yang boleh berbeza-beza mengikut masyarakat dan zaman (Johnson, 2018).

## Peranan Wanita dalam Islam

Dalam Islam, wanita diberikan peranan yang penting dan dihormati dalam pelbagai aspek kehidupan. Sebagai ibu, wanita mempunyai tanggungjawab besar dalam mendidik anak-anak, yang dianggap sebagai asas kepada pembentukan masyarakat Islam yang kukuh (Badran, 2013). Selain itu, wanita juga diberikan hak untuk mendapatkan pendidikan, bekerja dan terlibat dalam urusan sosial serta politik, selagi tidak bercanggah dengan prinsip-prinsip syariah (Esposito, 2011). Islam mengiktiraf wanita sebagai individu yang mempunyai hak dan tanggungjawab yang setara dengan lelaki tetapi dengan peranan dan fungsi yang unik dalam keluarga dan masyarakat (Haddad, 2007).

Peranan wanita dalam Islam bukan sahaja terbatas kepada peranan domestik tetapi juga meliputi sumbangan mereka dalam bidang ekonomi, pendidikan dan kepimpinan seperti yang dibuktikan oleh wanita-wanita terkemuka dalam sejarah Islam seperti Aisyah r.a. dan Khadijah r.a. (Wadud, 2006).

## Sumbangan wanita dalam Islam

Wanita dalam Islam telah memberikan sumbangan yang signifikan dalam pelbagai bidang, termasuk pendidikan, perniagaan dan kepimpinan. Sebagai contoh, Aisyah r.a., isteri Nabi Muhammad s.a.w. dikenali sebagai salah seorang perawi hadis terkemuka, yang menyumbang kepada pengetahuan dan penyebaran ajaran Islam (Ali, 2012). Khadijah r.a., isteri pertama Nabi Muhammad s.a.w. merupakan seorang usahawan berjaya yang memainkan peranan penting dalam menyokong dakwah Islam pada peringkat awal (Mernissi, 1991). Selain itu, wanita-wanita Muslim telah memainkan peranan dalam pembangunan masyarakat dengan menjadi pendidik, dermawan dan pemimpin komuniti. Dalam sejarah Islam, terdapat juga wanita yang terlibat dalam bidang perubatan, sains dan kesusteraan, menunjukkan bahawa Islam tidak menghalang wanita daripada menyumbang kepada pembangunan intelektual dan sosial (Ahmed, 1992).

## **Hak Wanita dalam Islam**

Islam mengakui dan menghormati hak wanita dalam pelbagai aspek kehidupan. Dalam konteks perundangan, wanita Islam berhak memperoleh hak yang sama dalam pendidikan, pekerjaan dan pemilikan harta. Mereka juga mempunyai hak untuk menguruskan harta dan pendapatan mereka secara bebas. Islam melarang sebarang bentuk penindasan atau diskriminasi terhadap wanita dan memberi mereka hak untuk mendapatkan perlindungan dan keselamatan. Hak-hak ini termasuk hak untuk mendapatkan nafkah yang adil dari suami, hak untuk memilih pasangan hidup dan hak untuk meminta cerai jika diperlukan. Selain itu, wanita Islam juga diberikan hak untuk bersuara dan terlibat dalam keputusan sosial dan politik, selaras dengan prinsip-prinsip keadilan dan kesaksamaan dalam Islam.

## **Pengaruh Wanita dalam Islam**

Pengaruh wanita dalam Islam adalah aspek penting yang menunjukkan peranan mereka dalam pembangunan masyarakat dan pengukuhan nilai-nilai Islam. Dalam Islam, wanita tidak hanya dihormati tetapi juga diberikan peranan aktif dalam pelbagai bidang kehidupan. Mereka berperanan sebagai ibu, pendidik dan pemimpin dalam keluarga, serta turut menyumbang dalam masyarakat melalui pelbagai bidang profesional dan sosial. Contoh klasik wanita berpengaruh dalam sejarah Islam termasuk Khadijah binti Khuwaylid, isteri pertama Nabi Muhammad SAW yang merupakan seorang peniaga berjaya dan penyokong kuat Islam, serta Aisyah binti Abu Bakar, isteri Nabi yang terkenal dengan pengetahuan dan kefahaman agama yang mendalam. Pengaruh wanita dalam Islam tidak hanya terhad kepada aspek spiritual, tetapi juga meliputi sumbangan mereka dalam ekonomi, pendidikan dan politik, yang memperkuatkkan struktur sosial Islam dan menekankan nilai keadilan serta kesetaraan.

## **Kesimpulan**

Wanita dalam Islam memainkan peranan yang sangat penting dan mempengaruhi pelbagai aspek masyarakat. Sejarah Islam menunjukkan bahawa wanita seperti Khadijah binti Khuwaylid dan Aisha binti Abu Bakar telah memberikan sumbangan yang signifikan dalam menyebarkan ajaran Islam dan menyokong misi Nabi Muhammad SAW (Sahih Bukhari, 2015; Sahih Muslim, 2015). Peranan wanita dalam masyarakat Islam meliputi bidang pendidikan, pengurusan rumah tangga dan penyertaan aktif dalam ekonomi dan politik (Ahmed, 1992; Masud, 2000).

Islam mengiktiraf hak-hak wanita secara menyeluruh, memberi mereka peluang untuk menyumbang dalam pelbagai aspek kehidupan. Ini termasuk hak untuk menguruskan harta, berpendidikan, dan terlibat dalam aktiviti sosial dan ekonomi (El-Hady, 2008). Pengiktirafan terhadap sumbangan wanita dan pemberian hak-hak yang adil adalah penting untuk memastikan keadilan dan keseimbangan dalam masyarakat Islam.

Kejayaan dan perkembangan masyarakat Islam bergantung kepada sokongan dan penglibatan semua anggotanya, termasuk wanita. Penghargaan dan pengiktirafan terhadap peranan wanita dalam Islam adalah kunci untuk mencapai kemajuan dan kesejahteraan bersama (Ahmed, 1992).

## **Rujukan**

- Smith, J. (2020). Biologi Gender: Memahami Pembiakan Wanita. Academic Press.
- Johnson, L. (2018). Wanita dan Masyarakat: Perspektif Budaya dan Sosial. Routledge.
- Ahmed, L. (2017). Wanita dan Gender dalam Islam: Akar Sejarah Pertikaian moden. Yale University Press.
- Hassan, R. (2011). Wanita dalam Islam: Renungan tentang Amalan Sejarah dan Kontemporari. Oxford University Press.
- Badran, M. (2013). Feminisme dalam Islam: Persamaan Sekular dan Agama. Oneworld Publications.
- Esposito, J. L. (2011). Apa yang Perlu Diketahui oleh Semua Orang tentang Islam. Oxford University Press.
- Haddad, Y. Y. (2007). Wanita Muslim di Amerika: Cabaran Identiti Islam Hari Ini. Oxford University Press.
- Wadud, A. (2006). Di Dalam Jihad Gender: Pembaharuan Wanita dalam Islam. Oneworld Publications.
- Ahmed, L. (1992). Wanita dan Gender dalam Islam: Akar Sejarah Pertikaian Moden. Yale University Press.
- Ali, A. (2012). Hak Wanita dalam Islam: Pendekatan Autentik. A. S. Noordeen.
- Mernissi, F. (1991). Ratu-Ratu Islam yang Dilupakan. University of Minnesota Press.
- Sahih Bukhari. (2015). Sahih Bukhari: Edisi Lengkap dan Berannotasi. Al-Maktabah Al-Shamilah.
- Sahih Muslim. (2015). Sahih Muslim: Edisi Berannotasi. Al-Maktabah Al-Shamilah.
- Ahmed, L. (1992). Wanita dan Gender dalam Islam: Akar Sejarah Pertikaian Moden. Yale University Press.
- El-Hady, H. (2008). Hak Wanita dalam Islam. Islamic Publications International.
- Masud, K. (2000). Peranan Wanita dalam Sejarah Islam. Islamic Publications International.

# Ibu Moden Tonggak Kejayaan Keluarga dan Negara



Oleh:

**Ahmad Faiz bin Haji Ahmad Ubaidah**

Pensyarah Kanan Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Seremban.



**Noor Aziera binti Mohamad Rohana**

Pensyarah Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Melaka, Kampus Jasin.

Ibu merupakan tonggak utama penyeri dalam sesebuah keluarga. Namun begitu, peranan ibu pada era kontemporari ini menuntut kebijaksanaannya dalam menyeimbangkan tanggungjawab di antara keluarga dan cita-cita, terutamanya bagi ibu sebagai wanita yang mempunyai kerjaya.

Ibu yang berkerjaya sepenuh masa sering kali berdepan dengan perasaan bersalah serta dilema yang menuntut tanggungjawab untuk membahagikan masa dengan baik, bahkan turut berdepan juga dengan kerisauan melepaskan anak-anak di bawah penjagaan orang lain sama ada di taman asuhan kanak-kanak mahu pun pengasuh persendirian.

Portal MyHealth Kementerian Kesihatan Malaysia menyatakan wanita memikul tanggungjawab sebagai isteri, ibu, penjaga ahli keluarga lain, pengurus rumah tangga dan sebagai warga kerja negara. Di Malaysia, tenaga kerja wanita yang berdaftar sentiasa meningkat setiap tahun (37% tahun 1970 dan 44.5% tahun 2000). Di sisi lain, ibu berkerjaya juga berisiko menghadapi tekanan apabila masyarakat sering menilai ukuran kejayaan seseorang wanita berdasarkan kepada pencapaian kerjaya mereka.

Masyarakat moden cenderung memandang tinggi wanita yang berjaya dalam kerjaya sekaligus memberi tekanan kepada ibu berkerjaya untuk "membuktikan" sumbangan mereka dalam konteks yang lebih besar. Tambahan, masyarakat kini juga cenderung melihat kesempurnaan dalam diri seseorang wanita termasuklah bagi mereka yang bergelar ibu.

Tuntutan ini adakah terlalu tinggi dan tidak realistik serta jauh melebihi tahap kemampuan fizikal dan emosi bagi seorang ibu. Apatah lagi apabila media sosial memaparkan kejayaan-kejayaan bagi ibu atau wanita berkerjaya dengan imej yang sempurna.

Ibu yang berhadapan dengan pelbagai tekanan sama ada berpunca daripada kehidupan berkeluarga mahu pun kerjaya akan merasa rendah diri jika tidak dapat meniru 'gaya hidup sempurna' sebagaimana yang dipaparkan dalam media sosial. Bahkan mereka boleh merasa seolah-olah telah gagal dalam memikul peranan mereka jika tidak memenuhi gambaran ideal tersebut.

Tekanan ini boleh membawa kepada keletihan emosi dan mental sekiranya ibu-ibu sering kali merasa

terperangkap dalam harapan masyarakat yang sukar dipenuhi. Ibu yang keletihan mental akibat tekanan ini cenderung merasakan kekurangan sokongan moral daripada masyarakat bila mana kejayaan mereka diukur berdasarkan kepada pandangan luar semata-mata. Tekanan ini juga boleh menjelaskan kesihatan mental ibu, menyebabkan mereka sukar untuk menjalankan tanggungjawab mereka dengan efektif.

Berdasarkan laporan akhbar Berita Harian, wanita cenderung mengalami masalah mental berbanding lelaki. Di Malaysia, wanita berhadapan dengan isu kemurungan dan kebimbangan atau kecelaruan dua kali ganda berbanding lelaki. Statistik kemurungan pasca bersalin atau dikenali sebagai meroyan ketika pandemik menunjukkan 48.6 peratus wanita berhadapan dengan masalah tersebut dengan peratusan tertinggi daripada golongan ibu tunggal. Ahli Psikologikal Klinikal, Pusat Pakar Psikologi, Hospital Islam Az-Zahrah, Sarah Aleesa Aguinaldo menyatakan terdapat banyak faktor yang menyebabkan wanita menghadapi masalah kecelaruan mental. Antaranya ialah faktor tekanan yang boleh berpunca daripada diri sendiri, keluarga atau pasangan, majikan, rakan serta media sosial.

Namun begitu, laporan menunjukkan bahawa wanita yang terlibat dalam pekerjaan produktif, terutamanya di kawasan luar bandar, mampu meningkatkan taraf hidup keluarga mereka. Ini menunjukkan bahawa sumbangan wanita di luar rumah juga penting untuk kestabilan ekonomi keluarga. Dalam konteks ini, penting bagi masyarakat untuk mengiktiraf peranan wanita termasuklah yang bergelar ibu di mana sahaja mereka berada, sama ada di rumah atau di luar rumah. Penghargaan ini bukan sahaja membantu mengurangkan tekanan sosial yang dihadapi ibu moden, tetapi juga membolehkan mereka menyeimbangkan tanggungjawab di rumah dan tempat kerja dengan lebih baik.

Oleh itu, sangat penting bagi masyarakat untuk lebih menghargai sumbangan ibu-ibu moden dan mengurangkan tekanan untuk menjadi 'sempurna'. Masyarakat perlu lebih terbuka dalam menerima bahawa setiap ibu mempunyai cara dan kapasiti mereka sendiri dalam memimpin keluarga. Pengiktirafan ini boleh diberikan melalui dasar-dasar mesra keluarga, program komuniti yang menyokong kesihatan mental ibu dan kempen kesedaran yang mempromosikan realiti kehidupan sebagai ibu.

Sebagai kesimpulan, ibu moden menghadapi pelbagai cabaran dalam memimpin keluarga di zaman yang serba pantas ini. Menyeimbangkan peranan di rumah dan tempat kerja, serta menangani tekanan sosial yang tinggi, merupakan isu penting yang perlu diperhatikan oleh masyarakat dan kerajaan.

Ibu moden memerlukan sokongan, pengiktirafan dan kerjasama daripada semua pihak untuk menjadi pemimpin yang efektif dalam keluarga moden. Dengan adanya sokongan yang sesuai, ibu dapat berfungsi dengan lebih baik dalam membentuk generasi yang berjaya dari aspek dunia dan rohani.

# Bacaan Yasin dan Tahlil Arwah: Amalan Baik yang Menjadi Polemik



Oleh:

## Hisam bin Satari

Pensyarah Kanan Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Seremban.

Umum mengetahui bahawa antara amalan kerohanian dalam masyarakat Islam di Malaysia ialah membaca surah Yasin dan bertahlil. Amalan ini biasanya dikaitkan bila berlakunya kematian seseorang atau memperingati kematian. Dengan melakukan satu ritual yang terkandung di dalamnya bacaan ayat al-Quran dan zikir-zikir tertentu. Kedatangan Islam telah mengubah amalan kemasyarakatan Melayu daripada mengandungi unsur-unsur agama Hindu kepada unsur-unsur Tauhid. (Mohammad, 2008). Perubahannya dilihat lebih Islamik sejajar dengan tuntutan al-Quran dan hadis seperti contoh bacaan tahlil selepas kematian, kenduri arwah untuk disedekahkan pahala kepada si mati dan bacaan surah Yasin yang berlaku selepas kematian. Bacaan-bacaan yang menjadi pilihan ialah bacaan yang dikumpul dan diperolehi daripada al-Quran, sunnah Rasulullah saw dan zikir-zikir ulama Melayu terdahulu. Amalan yang menjadi kebiasaan dalam masyarakat Melayu perlu dianggap sebagai budaya semata-mata manakala amalan yang mempunyai sandaran daripada Sunnah perlu diteruskan dan diberi keutamaan untuk diamalkan. (Haqq, 2018).

Amalan peribadatan yang diamalkan oleh masyarakat Islam di Alam Melayu adalah amalan soleh yang bersumberkan ijihad para ulama muktabar. Berdasarkan kajian, amalan peribadatan yang diamalkan oleh masyarakat Islam di Alam Melayu, yang diwarisi daripada satu generasi ke generasi adalah bersumberkan amalan yang diijihadkan oleh Syeikh Ahmad al-Qushashi, seorang ulama di Madinah al-Munawwarah kurun ke-17M. Ini membuktikan bahawa amalan peribadatan yang dilakukan oleh umat Islam di Alam Melayu selama ini adalah bersumber amalan yang telah dilaksanakan oleh umat Islam di Alaramayn; Mekah dan Madinah. Arieff Salleh (2023).

Tulisan kecil ini bertujuan menjelaskan amalan membaca surah Yasin dan bertahlil merupakan aktiviti yang tidak bercanggah dengan syariat Islam. Ia hanya sekadar gabungan amalan yang telah sedia wujud sejak zaman Nabi SAW. Ia disusun oleh ulama Nusantara mengikut *zuruf* dan *b'iāh* masyarakat umat melayu yang sentiasa inginkan bimbingan dalam urusan kerohanian mereka. Imam Syafei rahimahullah juga ada menyentuh berkenaan zikir secara berjemaah dengan dibimbing oleh imam selepas solat fardhu adalah diharuskan, setelah para jemaah memahami dan mampu untuk berzikir secara sendiri maka berzikir secara senyap itu adalah diutamakan. Namun demikian ia

tidak menafikan atau menghalang berzikir dengan sentiasa dipandu oleh imam jika *zuruf* atau *uruf* masyarakat lebih selesa dan rasa terbimbang jika zikir mengikut imam secara jahar (membaca bersama).

Disertakan dengan ini bacaan secara berurutan dalam amalan membaca Yasin dan bertahlil yang diamalkan oleh kebanyakan masyarakat Islam di Malaysia dengan disertakan dalil.

## BACAAN YASIN

Hadis dari Ma'qal bin Yasar r.a bahwasanya telah bersabda Rasulullah saw, "Hati Al-Quran ialah surah Yasin, tidaklah dibaca akan dia oleh seorang lelaki yang mengharapkan Allah dan hari akhirat melainkan diampun oleh Allah dosanya, dan bacalah surah Yasin kepada mereka yang hampir akan mati dan selepas mati." (HR.Ahmad, Abu Dawud dan An-Nasai)

Daripada Jundub r.a berkata, telah bersabda Rasulullah saw: "Sesiapa yang membaca surah Yasin dalam satu malam semata-mata mengharapkan keredaan Allah, nescaya akan diampunkan dosanya." ( HR Malik, Ibnu al-Sunia dan Ibnu Hibban)

Daripada Anas r.a telah bersabda Rasulullah saw: "Sesungguhnya bagi setiap sesuatu itu ada hati, dan hati al-Quran ialah surah Yasin; sesiapa yang membaca surah Yasin, nescaya dituliskan oleh Allah pahala menyamai sepuluh kali membaca al-Quran seluruhnya." ( HR At-Tirmizi )

Selain amalan membaca surah Yasin yang dibaca ke atas orang yang sedang nazak, disyorkan juga selepas itu membaca surah Ar-Ra'd. Menurut pengalaman penulis, eloklah diniatkan sebelum membaca dua surah ini agar Allah menyembuhkan pesakit. Jika itu yang baik untuknya atau mengambilnya dengan baik jika itu yang lebih baik baginya. Sayugia dinyatakan bahawa niatkan bacaan Surah Yasin dan bertahlil ini untuk disedekahkan bacaannya kepada mereka yang telah meninggal dunia.

## Bacaan Di Dalam Tahlil:

### 1. Membaca surah al-Fatihah

#### a. Wahyu al-Quran teragung

Daripada Abu Sa'id bin al-Mu'alla beliau berkata, "Nabi SAW datang berhampiran denganku ketika aku solat dan Baginda SAW memanggilku namun aku tidak menemui-Nya sehingga aku selesai solat. Ketika aku sampai, Baginda SAW bertanya, "Apa yang menghalangimu untuk menemuiku?" Aku menjawab, "Aku sedang solat." Baginda memberitahu, "Tidakkah Allah pernah berfirman "Wahai orang yang beriman, sahut dan sambutlah seruan Allah dan seruan Rasul-Nya apabila ia menyeru kamu kepada perkara yang menjadikan kamu hidup sempurna". (Surah al-Anfal, 8: 24) Ketahuilah aku ingin mengajarmu satu surah yang sangat agung dalam al-Quran sebelum aku keluar masjid. Lalu Nabi SAW pergi

supaya dia boleh keluar daripada masjid. Aku mengingatkan baginda tentang apa yang ingin disebutkan, lalu Baginda SAW bersabda : Segala puji tertentu bagi Allah, Tuhan yang memelihara dan mentadbirkan sekalian alam. surah ini ialah al-Sab' al-Mathani [tujuh ayat yang penuh dengan pujian] dan merupakan surah al-Quran yang teragung yang pernah diberikan kepadaku." (HR Al-Bukhari).

Daripada Ibn 'Abbas RA berkata, "Satu ketika Rasulullah SAW bersama Jibril AS, tiba-tiba terdengar suara gemuruh di atas-Nya. Lalu Jibril AS melihat ke langit dan berkata, "Pintu ini dibuka di langit yang sebelum ini belum pernah dibuka. Ibn 'Abbas berkata, "Lalu turunlah satu malaikat mengadap Nabi SAW dan berkata, "Bergembiralah dengan dua cahaya yang diberikan kedua-duanya yang belum pernah diberikan kepada seorang nabi pun sebelum ini, iaitu (surah) Fatihah untuk Kitab (al-Quran) dan penutup bagi surah al-Baqarah. Tidak seorangpun daripada kamu yang membacanya satu huruf daripadanya kedua-duanya melainkan diperkenankan permintaannya." (HR Muslim)

Abu Hurairah dan Ka'ab RA berkata, "Rasulullah SAW bersabda, "Tidak pernah Allah SWT menurunkan dalam Taurat atau Injil seperti Umm al-Quran, iaitu surah yang mempunyai tujuh ayat yang bersifat al-Mathani dan surah ini terbahagi antara-Ku dan hambaku dua bahagian, dan bagi hamba-Ku yang separuh itu apa yang mereka pinta." (HR Al-Tirmidhi, al-Nasa'i, dan Ahmad)

Apakah hikmah dan rahsia menghadiahkan al-Fatihah kepada Nabi SAW, para isteri-isteri baginda saw, anak dan zuriat baginda saw, para sahabat, golongan tabi'en, tabi' tabi'en serta arwah ahli keluarga dan seluruh ahli kubur di kalangan muslimin secara umumnya pada awal majlis tahlil?

Tiada dalil yang jelas untuk menjawab soalan ini. Cuma ia hanya sekadar harapan dan doa agar mereka yang kita hadiahkan al-Fatihah ini mengingati kita nanti di hari akhirat kerana sentiasa memberi hadiah. Ibarat jika ada seseorang yang sering memberi kita hadiah maka ia akan sentiasa kita kenang dan hargai selaras dengan sabda Nabi SAW : "Bertukar hadiahlah sesama kamu nescaya kamu akan berkasih sayang" hadiahkan itu ialah mereka yang menjadi kekasih Allah dan orang-orang yang soleh. Kita mengharapkan mereka mengingati kita dengan menjadi saksi di hadapan Allah atas kebaikan kita itu.

## b. Tujuan Rawatan

Daripada Abu Sa'id al-Khudri r.a berkata, "Kami turun (daripada kenderaan ketika bermusafir) untuk berhenti, tiba-tiba datang seorang wanita berkata, "Sesungguhnya tuan al-Hayy Salim digigit (binatang berbisa). Bolehkan antara kamu yang menjampi?" Lalu seorang lelaki yang dalam kalangan kami bangun sedangkan tidak ada dalam kalangan kami yang tahu dia pandai menjampi. Lalu lelaki itu menjampinya dengan membacakan surah al-Fatihah di tempat yang digigit dan sakitnya membaik. Lalu kaum itu memberinya seekor kambing yang kami ambil susu untuk minum daripadanya. Kami bertanya, "Adakah engkau pandai menjampi?" Lelaki itu berkata, "Aku tidak menjampinya melainkan dengan membacakannya pembuka al-Kitab. Aku (Abu Sa'id) berkata, "Jangan ganggu kambing itu sehingga kita berjumpa Nabi SAW!" Apabila kami bertemu Nabi SAW dan menceritakan peristiwa tersebut. Lalu Baginda SAW bersabda, "Dari mana dia mengetahui bahawa surah al-Fatihah merupakan jampi untuk merawat. Bahagikan bahagian itu antaraku dan antara kamu." (HR Al-Bukhari dan Muslim)

## c. Pelindung Ketika Tidur

Daripada Anas r.a berkata, "Rasulullah SAW bersabda, "Apabila engkau berbaring di lambungmu di atas tempat pembaringan, kemudian engkau membaca surah al-Fatihah dan surah al-Ikhlas, maka sudah pasti engkau akan selamat daripada apa sahaja malapetaka melainkan kematian."

## 2. Membaca Surah Al-Ikhlas

Daripada Abi Darda' r.a "Rasulullah SAW bersabda: adakah kamu mampu membaca satu pertiga al-Quran dalam satu malam? Kami menjawab: bagaimanakah cara untuk membaca satu pertiga al-Quran? Rasulullah SAW bersabda: surah al-Ikhlas menyamai satu pertiga al-Quran (pahala membacanya digandakan dan disamakan seperti membaca satu pertiga juzu' al-Quran)." (HR Imam Muslim)

## 3. Membaca al-Mu'awwizatain (surah al-Falaq dan an-Nas)

Daripada Ukbah bin A'mir r.a "bahawa Rasulullah SAW bersabda kepadaku: telah diturunkan kepadaku ayat yang tiada ayat sebandingnya; al-Mu'awwizatain." (HR Imam Muslim)

## 4. Ayat Awal Surah al-Baqarah (Ayat 1-5)

Daripada Abdullah bin Mas'ud RA berkata: "Barangsiapa membaca sepuluh ayat daripada surah al-Baqarah pada satu malam maka rumah tersebut tidak akan dimasuki syaitan pada malam tersebut sehingga pagi iaitu empat ayat awal surah al-Baqarah, ayat al-Kursi, dua ayat selepasnya dan tiga ayat terakhir di dalam surah al-Baqarah." (HR al-Darimi)

## 5. Ayat al-Kursi

Terlalu banyak manfaat dan kehebatan membaca ayat al-Kursi ini. Daripada Ubai bin Ka'ab r.a berkata: "Telah berkata Rasulullah saw wahai Aba al-Munzir adakah kamu tahu ayat dari kitab Allah yang Maha Besar? berkata Abu al-Munzir : hanya Allah dan rasulnya sahaja yang lebih mengetahui. Maka bersabda Rasulullah saw: dengan membaca ayat 1 ayat al-Kursi." (HR Muslim)

## 6. Tiga Ayat Akhir Surah Al-Baqarah

Daripada Abdullah bin Mas'ud RA berkata: "Barangsiapa membaca sepuluh ayat daripada surah al-Baqarah pada satu malam maka rumah tersebut tidak akan dimasuki syaitan pada malam tersebut sehingga pagi iaitu empat ayat awal surah al-Baqarah, ayat al-Kursi, dua ayat selepasnya dan tiga ayat terakhir di dalam surah al-Baqarah". (HR al-Darimi)

## 7. Istighfar

Allah Taala berfirman: "Dan orang-orang yang apabila melakukan keburukan atau membuat penganiayaan pada diri sendiri, lalu mereka ingat kepada Allah dan memohonkan pengampunan dari dosa-dosa mereka itu." (al-Imran:135)

## 8. Selawat

Allah Taala berfirman: "Sesungguhnya Allah dan Malaikatnya mengucapkan selawat pada Nabi. Wahai sekalian orang-orang yang beriman ucapan lah selawat serta salam yang sebenar-benarnya." (al-Ahzab:56)

## 9. Bertahlil

Rasulullah SAW bersabda: "sebaik-sebaik apa yang kuucapkan dan juga yang diucapkan oleh para nabi sebelumku ialah ucapan : Tiada Tuhan melainkan Allah Yang Maha esa dan tiada sekutu baginya." (HR Tirmizi)

## 10. Berdoa

Allah Taala berfirman: "Berdoalah pada Tuhanmu dengan merendahkan diri dan kesungguhan hati, sesungguhnya Allah itu tidak suka kepada orang-orang yang melampaui batas." (al-A'raf:55)

## Kesimpulan

Inilah amalan yang telah turun temurun diamalkan oleh masyarakat Islam di Nusantara sehingga hari ini. Semoga ia diteruskan oleh generasi seterusnya kerana kandungan dan tujuan amalan ini tidak lain ialah untuk mengisi kekuatan rohani dengan membaca zikir dan doa. Sememangnya amalan yang disusun ini tiada pada zaman Rasulullah SAW, tetapi ia tidak menghalang untuk kita mengamalkannya kerana intipati yang dibaca semuanya sedia wujud pada zaman Baginda SAW.

## Rujukan

- Kamarul Azmi Jasmi.2018. Hidayah Sebagai Anugerah Tidak Ternilai: Surah al-Fatihah. Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia
- Mohammad, A. (2008). Sumbangan tamadun Islam dalam kehidupan masyarakat di alam Melayu hingga abad ke 17M. *Journal of Al Tamaddun*.
- Haqq (2018). Amalan-amalan sunnah yang ditinggalkan masyarakat Melayu. Kertas Kerja Seminar Pemantapan Amalan Sunnah (Sunnah 2018). Anjuran Universiti Islam Malaysia, Cyberjaya, 13 Disember dlm Norsaleha Mohd. Salleh, Mohd Farid Ravi Abdullah, Abur Hamidi Usman, Rosni Wazir, Abu Zaki Ismail, Nurul Ain Burhanuddin. 2020.RELIGIOUS LEADERS' VIEWS LIVING HADITH PRACTICES IN MALAYSIA.jurnalliving hadis.UIN
- Arieff Salleh (2023) Rosman, Mohd Syukri Yeoh Abdullah, 'Amalan Peribadatan Masyarakat Melayu Nusantara Berteraskan Manhaj Ahlu Sunnah Wa Jamaah', (Kertas Kerja Seminar Pendidikan Fatwa Peringkat Negeri Sabah, 14 Ogos 2023)dlm Ahmad Mursyid Azhar iiMuhammad Syahrul Abd Rahman.2024. *Journal of Fatwa and Falak Selangor (JUFFAS)* مجله الفتاوى والفقاوة سيلانجور | Vol. 1, No. 1, pp. 96-106| June 2024. Adat Bacaan Surah Yasin Malam Jumaat di Malaysia: Kajian Takhrij al-Hadith dan Hukum Bacaannya Pada Malam Jumaat.
- Syeikh Khalil al-Mis.1987. *Syarah Sohih Muslim Lil Imam Al Nawawi*.Darul Qalam
- Zaki Shaari.2023.Kumpulan 7 Surah. Al-Hidayah House Of Qura'an Sdn.Bhd
- Syeikh Muhammad Jamaluddin Alqasimi Addimasyqi. Mau'izhatul Mukminin Ringkasan dari Ihya Ulumuddin (terjemahan Mohd Abdai Rahomy) 1975.al-Maktabah At-Tijariah al-Kubro.

# Sifat-sifat Peniaga yang dicintai Allah SWT dan Rasulullah SAW



Oleh:

**Dr. Husnul Rita binti Aris**

Pensyarah Kanan Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Seremban.

Penipuan dan pengkhianatan dalam kalangan peniaga telah menjadi isu yang semakin membimbangkan di Malaysia, dengan peningkatan jumlah kes yang dilaporkan setiap tahun. Peniaga yang tidak bertanggungjawab ini sering memanfaatkan kepercayaan pelanggan untuk mengejar keuntungan segera, tanpa mempedulikan etika atau tanggungjawab perniagaan. Contohnya, dalam satu kes di Terengganu, seorang peniaga kosmetik memperdaya 17 mangsa melalui skim pelaburan palsu "Due Kutu," yang menjanjikan pulangan lumayan tetapi tidak wujud, menyebabkan kerugian sebanyak RM151,000 (Buletin TV3. 21 September 2023. Dicapai pada 22 September 2024).

Kes seperti ini mencerminkan sikap tamak dan khianat peniaga yang menjelaskan reputasi sektor perniagaan.

Selain itu, penipuan dalam sektor makanan juga semakin menonjol, khususnya ketika musim perayaan seperti Ramadan. Beberapa peniaga dilaporkan menjual makanan basi atau berkualiti rendah di bazar Ramadan, seperti "kuih koci basi" dan "roti john hangus," yang jelas merosakkan kepercayaan pelanggan terhadap peniaga kecil. Tindakan ini bukan sahaja menunjukkan ketidakjujuran tetapi juga membahayakan kesihatan pengguna. Perbuatan ini juga mencemarkan imej peniaga-peniaga lain yang berniaga dengan jujur dan ikhlas, serta merosakkan reputasi bazar-bazar tersebut (Kosmo Digital. 27 Mac 2023. Dicapai pada 22 September 2024).

Penipuan dalam talian turut mencatatkan peningkatan yang ketara. Pada tahun 2023, lebih 7,000 kes penipuan dalam talian dilaporkan dengan kerugian ratusan juta ringgit. Peniaga menggunakan platform e-dagang dan media sosial untuk menjual barang palsu atau tidak menghantar produk seperti yang dijanjikan, menjadikan pembeli lebih terdedah kepada penipuan. Penipuan ini menjelaskan kepercayaan terhadap perniagaan dalam talian yang sepatutnya memudahkan urusan jual beli. Sikap tidak bertanggungjawab dan ketamakan dalam perniagaan ini menuntut penguatkuasaan undang-undang yang lebih ketat dan kesedaran dalam kalangan pengguna (Kosmo Digital. 16 Mac 2024. Dicapai pada 22 September 2024).

Kes-kes ini menggambarkan bagaimana peniaga yang khianat dan penipu tidak sahaja mencemarkan nama baik perniagaan, tetapi juga menjelaskan kepercayaan masyarakat terhadap sektor perniagaan. Dalam Islam, penipuan dan pengkhianatan adalah dosa besar. Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

*"Sesiapa yang menipu kami, maka dia bukan daripada golongan kami." (Hadis Riwayat Muslim, Kitab Al-Iman (كتاب الإيمان), Bab: Haramnya Menipu dan Menyembunyikan Kecacatan dalam Jual Beli (باب قول النبي من غشنا فليس منا), no. 102).*

Sikap khianat dalam perniagaan bukan sahaja membawa kerugian di dunia, tetapi juga di akhirat.

Justeru, masyarakat perlu lebih berhati-hati ketika berurus dengan peniaga yang tidak dikenali, dan para peniaga pula harus mengamalkan etika perniagaan yang jujur dan amanah bagi memastikan perniagaan mereka diberkati Allah SWT.

Penulis ingin menjelaskan sifat-sifat peniaga yang dicintai Allah dan mengikut cara Rasulullah SAW adalah contoh yang menunjukkan keutamaan akhlak mulia dalam perniagaan. Para peniaga yang mengamalkan prinsip-prinsip ini akan memperoleh keberkatan dan rahmat daripada Allah SWT. Berikut adalah beberapa sifat peniaga yang digemari oleh Allah dan yang mengikut sunnah Rasulullah SAW:

## **Jujur (As-Sidq)**

Kejujuran adalah sifat utama yang perlu ada pada setiap peniaga. Dalam perniagaan, kejujuran bukan sahaja melibatkan kata-kata, tetapi juga integriti dalam transaksi. Rasulullah SAW bersabda:

*"Peniaga yang jujur dan amanah akan berada bersama para nabi, siddiqin, dan syuhada." (Hadis Riwayat at-Tirmidzi Sunan at-Tirmidzi, di bawah Kitab Al-Buyu' (كتاب البيوع), Bab urusan jual beli, no. 1209)*

Hadis ini menekankan kelebihan bagi peniaga yang jujur dan amanah, di mana mereka akan mendapat kedudukan yang tinggi di akhirat, bersama golongan nabi, para siddiqin (orang-orang yang benar), dan para syuhada' (orang yang mati syahid). Ini menggalakkan peniaga untuk sentiasa mematuhi etika perniagaan yang baik dan telus.

## **Amanah**

Peniaga yang amanah ialah mereka yang bertanggungjawab dalam urusan perniagaan. Rasulullah SAW adalah contoh teladan dalam aspek amanah ini. Baginda dikenali sebagai al-Amin, yang bermaksud orang yang dipercayai. Dalam perniagaan, amanah melibatkan menjaga hak dan tanggungjawab dalam transaksi. Rasulullah SAW bersabda:

*"Wahai peniaga! Sesungguhnya syaitan dan dosa hadir bersama jual beli. Maka, sempurnakanlah jual beli kalian dengan sedekah." (Hadis Riwayat at-Tirmidzi, Kitab Al-Buyu' (كتاب البيوع), Bab urusan jual beli, no. 1208)*

Hadis ini menekankan bahawa syaitan sering kali hadir dalam urusan jual beli untuk mendorong peniaga melakukan penipuan atau mengambil keuntungan yang

tidak sah. Oleh itu, Rasulullah SAW mengarahkan peniaga agar menyempurnakan urusan mereka dengan bersedekah, sebagai cara untuk menyucikan rezeki dan mengelakkan dosa.

### Tidak Menipu

Penipuan dalam perniagaan adalah satu dosa besar dan amat dilarang dalam Islam. Peniaga yang menipu dianggap keluar daripada golongan umat Islam yang sebenar. Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

"*Sesiapa yang menipu kami, maka dia bukan daripada golongan kami.*" (Hadis Riwayat Muslim, Kitab Al-Iman (كتاب الإيمان), Bab: Dosa Menipu dan Perintah untuk Bersikap Jujur dalam Perniagaan, no. 102)

Hadis ini memberikan amaran keras kepada peniaga atau sesiapa sahaja yang melakukan penipuan, bahawa mereka dianggap keluar daripada golongan orang-orang yang mengikuti ajaran Islam secara tulen. Kejujuran adalah nilai utama dalam Islam, dan perbuatan menipu dianggap sebagai dosa besar yang menafikan status seseorang sebagai seorang Muslim yang baik.

Ini juga memberi amaran keras kepada para peniaga agar menjauhi segala bentuk penipuan, termasuk menipu harga, kualiti, atau timbangan dalam perniagaan.

### Tawaduk dan Rendah Diri

Sifat tawaduk atau rendah diri adalah sifat mulia yang dicintai Allah. Dalam perniagaan, peniaga yang tawaduk tidak akan bermegah dengan kejayaan atau kekayaan mereka. Rasulullah SAW bersabda:

"*Tidak ada orang yang tawaduk kerana Allah, kecuali Allah akan mengangkat kedudukannya.*" (Hadis Riwayat Muslim, Kitab Al-Birr wa As-Silah wa Al-Adab (كتاب البر والصلة والآداب), bab yang merujuk kepada sifat tawaduk (rendah hati). no. 2588)

Hadis ini mengajar bahawa orang yang merendah diri dengan ikhlas kerana Allah SWT akan diberi kemuliaan dan diangkat darjatnya oleh Allah. Sikap tawaduk bukan sahaja dihargai dalam kehidupan dunia, tetapi juga menjanjikan ganjaran yang besar di akhirat.

Selain itu, peniaga yang rendah hati dan tidak sombang akan lebih dihormati oleh masyarakat dan Allah akan menambahkan keberkatan kepada mereka.

### Bersikap Lembut dan Bertolak Ansur

Peniaga yang bersikap lembut dan bertolak ansur dalam urus niaga akan mendapat rahmat Allah. Mereka yang mudah dalam membeli, menjual, dan ketika menuntut haknya akan dicintai oleh Allah. Rasulullah SAW bersabda: "Allah merahmati seseorang yang mudah (berurus), ketika membeli dan ketika menjual serta ketika menuntut haknya."

(Hadis Riwayat al-Bukhari, Kitab Al-Buyu' (كتاب البيوع), Bab Kelembutan dalam Jual Beli (باب السهولة والسماعة في البيع), no. 2076)

Sifat ini penting untuk mewujudkan keharmonian dalam perniagaan dan mengelakkan pertelingkahan.

### Adil dan Tidak Menindas

Keadilan adalah asas dalam setiap urus niaga. Peniaga yang adil tidak akan mengambil kesempatan atau menindas orang lain, terutama dalam keadaan di mana pelanggan mungkin tidak berdaya atau terdesak. Allah sangat menyukai keadilan, seperti yang disebut dalam al-Quran bermaksud:

"*Sesungguhnya Allah menyuruh kamu berlaku adil dan berbuat kebaikan.*" (Surah an-Nahl, 16:90)

Peniaga yang adil akan diberi ganjaran oleh Allah kerana sifat ini mencerminkan keperibadian yang baik dan etika perniagaan yang terpuji.

### Mengutamakan Kebersihan dan Etika

Rasulullah SAW sangat menekankan aspek kebersihan dan etika dalam setiap urusan, termasuk dalam perniagaan. Kebersihan bukan sahaja dari segi fizikal tetapi juga moral dan etika dalam bermula. Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

"*Kebersihan adalah sebahagian daripada iman.*" (Hadis Riwayat Muslim, Kitab At-Taharah (كتاب الطهارة), Bab membahas tentang bersuci dan kebersihan, no: 223)

Peniaga yang menjaga kebersihan dalam perniagaan mereka, sama ada kebersihan produk, tempat bermula atau peribadi akan lebih dihormati oleh pelanggan.

### Penutup

Peniaga yang dicintai Allah adalah mereka yang mengamalkan kejujuran, amanah, tawaduk serta bersikap lembut dan adil dalam perniagaan. Dengan mengikuti contoh yang ditunjukkan oleh Rasulullah SAW, peniaga bukan sahaja akan berjaya dalam urusan perniagaan mereka tetapi juga akan mendapat keberkatan dan rahmat daripada Allah SWT. Setiap urus niaga yang dilakukan dengan etika Islam membawa manfaat, bukan hanya di dunia, tetapi juga di akhirat.

### Rujukan

Buletin TV3, 21 September 2023, "Peniaga Kosmetik Perdaya

17 Mangsa Melalui Skim Pelaburan Palsu". Dicapai pada 22 September 2024 daripada Buletin TV3 siaran 21 September 2023.

Kosmo Digital, 27 Mac 2023, "Kes Penipuan Peniaga di Bazar Ramadan, Jual Makanan Basi". Dicapai pada 22 September 2024 dari laman web Kosmo Digital.

Kosmo Digital, 16 Mac 2024, "Lebih 7,000 Kes Penipuan Dalam Talian, Kerugian Cecah Ratusan Juta Ringgit". Dicapai pada 22 September 2024 dari laman web Kosmo Digital.

Sahih Muslim, Kitab Al-Iman (كتاب الإيمان), Bab: Haramnya Menipu dan Menyembunyikan Kecacatan dalam Jual Beli (باب قول النبي من غشنا فليس منه), no. 102.

Sunan at-Tirmidzi, Kitab Al-Buyu' (كتاب البيوع), Bab urusan Jual Beli, no. 1209.

Sunan at-Tirmidzi, Kitab Al-Buyu' (كتاب البيوع), Bab urusan jual beli, no. 1208.

Sahih Muslim, Kitab Al-Birr wa As-Silah wa Al-Adab (كتاب البر والصلة والآداب), Bab: Sifat Tawaduk, no. 2588.

Sahih al-Bukhari, Kitab Al-Buyu' (كتاب البيوع), Bab: Kelembutan dalam Jual Beli, no. 2076.

Sahih Muslim, Kitab At-Taharah (كتاب الطهارة), Bab Kebersihan, no. 223.

# Travelog Dubai: Transit Sebelum Ke Bumi al-Fatih



Oleh:

**Nasif Sidquee bin Pauzi**


Pensyarah Kanan Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah.

Penulis dan keluarga berkesempatan untuk berkunjung ke Dubai pada 11 September 2023. Kunjungan ke Dubai, mengambil kesempatan transit sebelum ke destinasi asal iaitu Turkiye. Transit hampir 13 jam itu memberi peluang kepada kami untuk meneroka bandar moden Dubai.

Dubai merupakan salah sebuah wilayah di bawah negara Emiriah Arab Bersatu (UAE) yang terletak di pesisir Teluk Parsi. Terdapat tujuh wilayah Emiriah yang membentuk UAE termasuk Abu Dhabi, Ajman, Fujairah, Ras al-Khaimah, Sharjah dan Umm al-Qaiwain. Dubai yang pada asalnya merupakan perkampungan nelayan pada abad ke-18 kini telah mengalami pemodenan sehingga membentuk sebuah kota metropolitan yang terkenal di dunia.

Kami berlepas dari Malaysia pada jam 7.20 malam waktu Malaysia dan mendarat di Dubai International Airport (DXB) setelah tujuh jam perjalanan. Setibanya di lapangan terbang, kami menunaikan solat Maghrib dan Isyak dah berehat sebelum bergerak menerokai bandar Dubai. Kami tidak merancang untuk *check-in* ke mana-mana penginapan sebaliknya hanya berehat di kerusi-kerusi yang ada di lapangan terbang sementara menunggu pemandu dan kereta sewa yang telah ditempah awal sebelum itu.

Setelah berehat, Adnan dan Irfan, pemandu berketurunan Pakistan membawa kami ke lokasi pertama iaitu Masjid Jumeirah untuk menunaikan solat Subuh. Dalam perjalanan, kami menikmati pemandangan yang indah, walaupun cuaca sudah mulai panas. Suhu di telefon pintar menunjukkan 39° Celsius. Masjid Jumeira dibina oleh al-Marhum Syeikh Rashid bin Saeed al-Maktoum, pemerintah pada tahun 1958 dan dihadiahkan kepada rakyat Dubai.



Usai solat fajr, kami menuju ke Pantai Jumeirah. Pantai ini terletak lebih kurang sembilan kilometer dari masjid. Di Pantai Jumeirah, air laut jernih memikat hati. Kami dapat melihat ketam bergerak di dalam air. Antara mercu yang masyhur di sini adalah Burj al-Arab yang megah. Burj al-Arab adalah sebuah hotel mewah ikonik yang menjadi kebanggaan Dubai. Jika ingin menginap di sini, harganya adalah bermula RM7380 semalam. Dubai menggunakan matawang Dirham UAE. Nilai tukaran matawang bagi Dirham UAE dengan Ringgit Malaysia adalah hampir sama iaitu AED1 bersamaan RM1.17.



Seterusnya, kami menuju ke Marina Walk untuk bersarapan. Suasana di Marina Walk yang dikelilingi oleh bot-bot peribadi memperlihatkan kemewahan Dubai. Kami hanya mampu mengambil gambar dengan latar belakang bot-bot mewah. Marina Walk menjadi tempat orang ramai berekreasi dengan berjalan kaki di pesisir laluannya. Di sini terletaknya kedai-kedai dan juga restoran untuk dikunjungi pelancong.



Misi seterusnya adalah mengunjungi Muzium Masa Depan (Museum of The Future). Muzium ini berbentuk unik (bulat dan lonjong). Malangnya, kami tidak dapat masuk kerana waktu pembukaannya adalah pada jam 9.30 pagi sedangkan kami perlu untuk kembali ke lapangan terbang sebelum jam 11 pagi. Namun, kami terpesona dengan reka bentuk unik bangunan muzium yang dihiasi dengan kaligrafi Islam yang indah. Ia memberikan gambaran yang jelas tentang penggabungan seni dan teknologi di Dubai.



Setelah itu, kami pergi ke Burj Khalifa, mercu tanda ikonik Dubai. Penulis tidak melepaskan peluang untuk membeli buku "Qissati" karya Amir U.A.E Syeikh Al Maktoum di kedai buku Borders. Terdapat juga restoran Chef Burak yang menarik perhatian kami, tetapi kami terpaksa menangguhkan niat untuk mencubanya kerana waktu yang terhad. Burj Khalifa adalah bangunan pencakar langit tertinggi di dunia dengan ketinggian 829.8 meter. Melihat pencakar langit Burj Khalifa dari bawah seumpama melihat Menara Berkembar KLCC di Kuala Lumpur, Malaysia.



Sebelum berangkat ke lapangan terbang, kami merancang untuk singgah di Dubai Frame tetapi terpaksa membatalkannya kerana kesesakan lalu lintas. Jalan raya di Dubai dipenuhi dengan kereta-kereta mewah yang menambah kesibukan bandar ini. Cuaca yang panas pada hari itu menjadi cabaran buat kami. Penulis mula merasakan gejala demam. Suhu luar dilaporkan sekitar 41°Celsius, tetapi berita mengatakan ia boleh mencécah 45°C. Dengan tekak yang sakit dan muka yang panas, penulis terpaksa mengambil ubat sebelum menaiki kapal terbang.

Permusafiran diteruskan ke Bumi al-Fatih. Semoga satu hari nanti, kami dapat kembali ke Dubai untuk meneroka tempat-tempat lain yang belum dilawati.

#### Rujukan

<https://www.jumeirahmosque.ae/about-jumeirah-mosque-dubai/>

<https://www.jumeirah.com/en/stay/dubai/burj-al-arab-jumeirah/accommodation>

# Hari Jumaat: Kelebihan dan Keistimewaan



Oleh:

**Hisam bin Satari**

Pensyarah Kanan Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Seremban.

Kalimah Jumaat diambil dari kata dasar jama'a yang bermaksud suatu bilangan ramai. Manakala hari Jumaat diberi nama kerana pada hari itu orang Islam berhimpun, terkumpul banyak amalan kebaikan atau kerana pertemuan antara Adam dan Hawa di Arafah. Harinya adalah yang terbaik di kalangan hari dalam seminggu, barangsiapa yang mati pada harinya maka diberi ganjaran pahala syahid serta terselamat fitnah kubur iaitu dengan diringankan persoalan kubur atau terselamat dari disoal oleh malaikat. Bagi umat Islam malamnya adalah semulia malam setelah malam lailatul qadar dan malam lailatul qadar adalah lebih baik dari malam israk.

Sesungguhnya hari Jumaat merupakan hari agung yang diberi oleh Allah Taala dan diisi di dalamnya dengan kelebihan, diatur di dalamnya beberapa syiar dan peraturan serta dimuliakan umat Islam dengan menjadikannya sebagai penghulu segala hari. Diriwayatkan oleh Abu Lubabah al-Badri bahawa Nabi saw telah bersabda : "Sesungguhnya hari Jumaat ialah penghulu segala hari dan hari yang paling agung disisi Allah Taala bahkan baginya ia lebih agung dari hari raya qurban dan hari raya puasa. Padanya ada lima peristiwa iaitu : Allah Taala menciptakan Adam, Allah Taala menurunkan Adam ke bumi, hari kewafatan Nabi Adam a.s, di dalamnya terdapat satu saat di mana tidak seorang hamba pun memohon sesuatu padaNya kecuali akan dikabulkan Allah selama yang dimintanya bukan sesuatu yang haram, serta pada hari Jumaat itu pula terjadinya kiamat, maka tiada satu malaikat Muqarrabin pun, tiada pula langit, bumi, angin, gunung atau lautan, melainkan semuanya takut pada hari Jumaat." ( Hadis Hasan Riwayat Imam Ahmad dan Ibnu Majah).

Antara keistimewaan hari Jumaat ialah:

## **Hari Perayaan Umat Islam**

Dari Ibnu Abbas r.a : telah bersabda Rasulullah : "Sesungguhnya hari ini ialah hari perayaan, Allah menjadikannya untuk umat Islam barangsiapa yang pergi untuk bersembahyang Jumaat maka hendaklah ia mandi terlebih dahulu, dan hendaklah memakai wangian seadanya, dan hendaklah kamu bersiwak." ( Hadis Shahih : Riwayat Ibnu Majah )

Barangsiapa ke masjid pada hari Jumaat maka hendaklah ia mandi, barangsiapa yang mempunyai wangian maka gunakanlah, dan hendaklah kamu semua membersihkan mulut kamu dengan siwak. Sesungguhnya hari Jumaat mempunyai kelebihan, syiar dan adab-adab

yang tidak terdapat pada hari-hari yang lain. Antaranya tidak diharuskan mengkhususkan pada malamnya dengan ibadah qiam, atau berpuasa sunat tunggal pada siangnya iaitu tanpa didahului puasa sunat hari Khamis atau diikuti puasa sunat pada hari Sabtu. Pada hari itu juga adalah masa yang sesuai untuk doa diperkenankan, tetapi kelebihan yang paling utama sekali ialah sembahyang Jumaat, kerana di dalamnya terdapat hari perhimpunan, mendengar khutbah dan sembahyang.

Baginda Nabi SAW telah memberi amaran yang keras kepada mereka yang meninggalkan ibadah ini secara sengaja serta dihukumkannya sebagai golongan munafik. Dari Abi Jakdi Ad-Dhomariy r.a dari Rasulullah SAW : "Sesungguhnya telah bersabda ia ; Barangsiapa yang meninggalkan Jumaat tiga kali berturut-turut dengan tiada keuzuran maka dia dihukumkan sebagai munafik." (Riwayat Ibnu Hibban ).

Dari Abil Ja'ad Ad-Dhomri, juga seorang sahabat bahawa Rasulullah SAW bersabda : "Barangsiapa meninggalkan tiga kali Jumaat kerana menganggap ianya perkara ringan, maka Allah akan menutup mata hatinya." (Riwayat oleh yang berlima, juga diriwayatkan oleh Ahmad dan Ibnu Majah dari Jabir).

Hari Jumaat merupakan hari yang difardhukan oleh Allah kepada umat yang terdahulu, akan tetapi mereka berselisih tentangnya, lantas mereka menyimpang. Maka hari Jumaat itu kemudiannya diberikan oleh Allah kepada umat Nabi Muhammad SAW sehingga menjadi hari yang khusus bagi umat Nabi Muhammad SAW sehingga menjadi punca hasad dan dendki di kalangan Yahudi dan Nasrani terhadap umat Islam.

Dari Abi Hurairah: Rasulullah SAW telah bersabda: "Kami adalah orang-orang yang terakhir, tetapi kita adalah orang yang terdahulu pada hari kiamat. Hanya saja, setiap umat diberi kitab sebelum kita, kita diberi kitab sesudah mereka. Kemudian, inilah hari yang ditentukan oleh Allah atas kita, Allah memberi petunjuk kepada kita terhadap hari tersebut, orang-orang lain mengikuti kita pada hari itu, golongan Yahudi esok (Sabtu) dan golongan Nasrani esoknya lagi (Ahad)." (Hadis Sahih : Riwayat Imam Bukhari dan Imam Muslim)

## **Ganjaran Syurga Buat Mereka Yang Beramal**

Dari Abi Hurairah r.a : Rasulullah SAW telah bersabda : "Satu Jumaat ke satu Jumaat adalah penghapus dosa antara keduanya selama tidak melakukan dosa besar."

## **Doa Diperkenankan Oleh Allah Taala**

Dari Abi Hurairah r.a : "Abu al Qasim telah bersabda : Sesungguhnya pada hari Jumaat terkandung di dalamnya satu masa bagi seseorang yang mendirikan sembahyang serta memohon sesuatu kepada Allah serta bertepatan

*permohonan dengan waktu itu maka akan diperkenankan kepada sesuatu yang dipohon itu.”* (Hadis Sahih : Riwayat Imam Bukhari dan Imam Muslim)

Dari Abu Musa Al-Asy'ari r.a berkata ia ; “*Telah bersabda Rasulullah SAW tentang saat mustajab hari Jumaat ialah antara duduknya imam ( di atas mimbar ) hingga selesai sembahyang.*” (Riwayat oleh Imam Muslim dan Abu Daud)

#### **Terselamat /Terpelihara Daripada Fitnah Kubur**

Dari Abdillah bin Amr r.a: “*sesungguhnya Rasulullah SAW telah bersabda : Barangsiapa yang mati pada hari Jumaat atau malam Jumaat maka ia akan terselamat fitnah kubur.*” (Hadis hasan : riwayat Imam Ahmad)

Dari Abi Lubabah r.a berkata ia : “*Telah bersabda Rasulullah SAW: Sesungguhnya hari Jumaat itu ialah penghulu sekalian hari dan hari yang terbesar di sisi Allah, lebih besar dari hari raya Adha dan hari raya Fitri.*” ( Riwayat Ibnu Majah dan Baihaqi)

#### **Hari Haji Bagi Golongan Miskin**

Dari Ibnu Abbas r.a berkata ia : “*telah bersabda Rasulullah SAW : hari Jumaat ialah hari haji bagi orang-orang miskin.*” (Riwayat oleh Humaid bin Zanjawiyyah )

#### **Diampuni Dosa Bagi Yang Membaca Surah Al-Kahfi**

Dari Abu Said al-Khudri r.a dari Nabi SAW bahawasanya dia bersabda : “*Barangsiapa yang membaca surah al-Kahfi pada hari Jumaat, maka ia akan diberi cahaya oleh Allah yang dapat meneranginya di antara kedua Jumaat.*” (Riwayat Imam Baihaqi)

Melihat kepada banyaknya kemuliaan dan kebesaran hari Jumaat, ia memberi petunjuk akan keistimewaannya berbanding hari-hari yang lain. Memang tiada arahan dari Rasulullah SAW agar umat Islam memilih untuk bercuti dari bekerja pada hari Jumaat. Tetapi bila kita renung akan kebesarannya sepatutnya kita berfikir kerana tidak mungkin kita akan fokus untuk mengejar segala ganjaran yang ditawarkan dengan segala amalan dalam keadaan kita sibuk menguruskan hal pekerjaan. Setiap janji Allah pada sesuatu yang telah diterangkan oleh Rasulullah SAW berkaitan kemuliaan hari Jumaat pasti benar, manakala alasan manusia hanya sekadar menyedapkan rasa.

#### **Rujukan**

Jamal Abdul Mun'im al-Kumi .1992.Yaum al-Jum'ah

Sya'iruhu Wa Adabuhu Wa Fadhoiluhu,, Dar al-I'tisam..

Dr. Abdul Karim Zaidan .1994.Al-Mufassal Fi Ahkam al-Mar'ah Wa al-Bait al- Muslim Fi al-Syarih al-Islamiah,, Muassasah al-Risalah.